

25 FEB 2002

Mahathir-MAS/I

TIADA TOLAK ANSUR DALAM SOAL PENYELEWENGAN WANG -- DR MAHATHIR

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 25 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap sesiapa sahaja yang melakukan penyelewengan dan penyalahurusan wang, sama ada kroni atau sebaliknya.

Perdana Menteri memberi amaran keras itu semasa sesi soal jawab dengan penuntut di Imperial College di sini pada Ahad lepas.

Beliau menyatakan demikian sebagai jawapan kepada satu soalan mengenai dakwaan penyelewengan dan penyalahurusan wang dalam Perwaja dan MAS.

Dr Mahathir sedang dalam rangka lawatan lima hari ke London selepas melawat Antartika dan Argentina.

Merujuk kepada kes penyiasatan terhadap MAS, Dr Mahathir berkata pihak pengurusan MAS yang ada sekarang telah mendapati adanya tindakan tertentu yang tidak diresmikan oleh lembaga.

"Perkara itu sudah dilaporkan kepada polis," katanya.

"Walaupun pemiliknya yang lepas mungkin merupakan kroni kerajaan, ia tidak menghalang kita daripada mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang telah menyelewengkan wang itu."

Perdana Menteri memberitahu kira-kira 600 penuntut Malaysia yang hadir pada majlis itu bahawa mahkamah akan menentukan sama ada terdapat kes terhadap orang berkenaan atau tidak.

MAS telah berjalan dengan sangat lancar sehingga masa berlakunya kemelesetan pada 1997, kata beliau, dan menambah bahawa semua syarikat penerbangan sedang menghadapi kesukaran, terutamanya berikutan peristiwa 11 Sept.

"Mana-mana syarikat penerbangan pun akan kerugian jika hanya dapat memenuhi kurang daripada 35 peratus tempat duduk, dan orang ramai enggan terbang," katanya.

"Jadi, soalnya bukan sahaja berkaitan dengan pengurusan yang tidak baik tetapi juga meliputi suasana luaran yang boleh menjejaskan sesebuah syarikat."

Dr Mahathir menjelaskan bahawa apabila MAS terus-menerus mengalami kerugian, kerajaan terpaksa mengambil alih pengawalan syarikat itu.

Sebuah lagi syarikat yang masih dalam penyiasatan, kata Perdana Menteri, ialah Perwaja.

Merujuk kepada seorang ahli perniagaan yang mengambil alih syarikat itu selepas ia mengalami kerugian, beliau berkata ahli perniagaan itu pun terus mengalami kerugian.

"Adalah dipercayai bahawa beliau telah menyalahurus dan mengambil wang daripada syarikat itu. Kita sudah melakukan penyiasatan. Malangnya, wang yang dikatakan telah dibawa keluar tidak dapat dikesan dengan mudah," katanya.

Dr Mahathir berkata wang itu dikatakan telah dipindahkan ke dalam akaun-akaun di Switzerland tetapi keengganan pihak di Switzerland untuk bekerjasama dan memberi keterangan di mahkamah Malaysia menghalang penyiasatan.

"Kita masih meneruskan penyiasatan dan kalau ada bukti, kita akan menghadapkan orang berkenaan ke mahkamah dan beliau akan terpaksa menghadapi akibatnya," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

ZO AHH RM NMO